

13/04/2000

Senario dapat sambutan hebat di Brunei

Adam Salleh

KEJAYAAN konsert sulung Senario di Brunei, baru-baru ini, mendorong penganjurnya untuk menjemput sekali lagi kumpulan itu membuat persembahan di sana tidak lama lagi.

Sri Kermas Production House (SKPH) bercadang menganjurkan konsert Senario buat kali kedua berikutan sambutan yang diberikan dalam konsert pada malam Sabtu lalu di luar dugaan.

"Kami tidak sangka tiket konsert habis dengan kehadiran hampir 9,000 penonton," kata Pengarah Urusan SKPH, Julaihi Munjil.

Dia berkata, pihaknya tidak menyangka Senario berjaya menambat ribuan peminat di seluruh Brunei untuk menyaksikan konsert yang julung kali diadakan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah.

Menurutnya, sehari sebelum Senario tiba di Bandar Seri Begawan pada 5 April, tiket berharga B\$10, B\$20 dan B\$50 habis dijual.

"Bahkan lebih 3,000 peminat terutama dari Kuala Belait masih bertanyakan tiket konsert. Kain peminat dan poster promosi harga tiket sudah diturunkan sebelum Senario tiba kerana kami tidak mahu peminat asyik bertanyakan tiket yang sudah habis.

"Saya dapat rasakan kehampaan peminat apabila ada di antara mereka sanggup datang ke penginapan Senario untuk bergambar bersama. Melalui cara begitu saja mereka membalut kekecewaan anak-anak yang tidak dapat menyaksikan persembahan Senario," katanya.

SKPH sudah berbincang dengan Eksekutif Acara Ambang Klasik (AKSB), Mahathir Mohd Sidi supaya dapat membawa Senario lagi untuk konsert kali kedua pada tahun ini.

Kata Julaihi, berbanding konsert tempoh hari, konsert kali kedua kelak akan dirancang rapi bagi membolehkan kumpulan itu beraksi dalam masa dua hari.

"Melalui penganjuran konsert dua hari berturut-turut kelak, ia diharap dapat mengelak peminat Senario hampa. Saya membayangkan konsert kedua Senario nanti dapat diadakan pada Julai atau Ogos ini," katanya.

Senario dianggotai Azlee Jaafar, Mazlan Ahmad, Abdul Wahid Mohamad, Saiful Azam dan Yassin Yahya.

Hampir 9,000 penonton yang membanjiri stadium tertutup bagi menyaksikan konsert itu jelas terhibur dengan gelagat anggota Senario sepanjang tiga jam ia berlangsung, dari jam 9 malam hingga 12 tengah malam.

Ribuan peminat hampa di luar pintu masuk stadium apabila timbul ura-ura penganjur akan menjual tiket simpati tetapi tiada.

Sementara itu, Azlee berkata, sambutan hangat peminat di Brunei menaikkan semangat mereka untuk beraksi lagi di negara itu.

"Saya sendiri terharu kerana ke mana saja Senario pergi untuk sesi bertemu peminat, mereka datang berduyun. Saya simpati pada mereka yang tidak dapat tiket tetapi bersabarlah kerana kami memang tidak jelak ke Brunei," katanya.

Saiful Azam pula berkata, peminat di Brunei bukan saja ramah tetapi tidak lokek kerana semua anggota kumpulan itu menerima banyak cendermata.

(END)